

**KERATAN AKHBAR-AKHBAR TEMPATAN**  
**TARIKH: 23 NOVEMBER 2015 (ISNIN)**

Bil	Tajuk	Akhbar
1.	Excellence in human resource	The Star
2.	MBFM sasar jualan 48 juta liter produk cucian D'Belda	Utusan Malaysia

**KERATAN AKHBAR  
THE STAR (EVENTS) : MUKA SURAT 17  
TARIKH: 23 NOVEMBER 2015 (ISNIN)**

**2 Excellence in human resource**

Sime Darby Property human resource and administration head Ammar Ghazali (centre) receiving the HR Asia Best Companies to Work for in Asia 2015 award from Deputy Science, Technology and Innovation Minister Datuk Dr Abu Bakar Mohamad Diah (left), who is accompanied by Business Media International group publisher and editor-in-chief Datuk William Ng. The award recognises and honours corporations that demonstrate high levels of employee engagement and outstanding workplace culture.

2



**KERATAN AKHBAR**  
**UTUSAN MALAYSIA (BISNES) : MUKA SURAT 18**  
**TARIKH: 23 NOVEMBER 2015 (ISNIN)**

## MBFM sasar jualan 48 juta liter produk cucian D'Belda

**KUALA LUMPUR 22 Nov.** - Koperasi Majlis Belia Felda Malaysia Berhad (MBFM) menyasarkan jualan 48 juta liter produk cucian asas tumbuhan D'Belda menjelang 2017 kepada semua agensi seliaan Felda di seluruh negara.

Presidennya, Anuar Abd. Manap berkata, sasaran itu dibuat berdasarkan kejayaan menandatangani memorandum persefahaman (MoU) bersama Microclear Sdn. Bhd. sebagai pengeluar dan pengilang peralatan asal (OEM) produk berkennaan.

"Kontrak dua tahun ini tidak terhenti begitu sahaja kerana kami merancang meluaskan lagi penggunaan produk ini bagi kegunaan industri lain seperti **Felcra Berhad (Felcra)** dan Pihak Berkusa Kemajuan Pekebun Kecil Perusahaan Getah (RISDA).

"Selain itu, jika sasaran awal tercapai, kami juga akan memasarkan produk ini ke luar negara seperti Asia Barat sebagai potensi utama," katanya dalam sidang akhbar selepas majlis menandatangani MoU antara Koperasi MBFM dengan Microclear Sdn. Bhd. dan Pelancaran Produk

D'Belda, di sini baru-baru ini.

Yang turut hadir, Penggerusi Felcra, Tan Sri Mohd. Isa Abdul Samad; Ketua Pegawai Eksekutif Microclear Sdn. Bhd., Ifnu Hakim Abdul Rafor; Pengarah Perbadanan Pembangunan Teknologi Malaysia (MTDC) Sdn. Bhd., Prof. Dr Zainul F. Zainuddin dan pensyarah Fakulti Pengurusan Universiti Teknologi Malaysia (UTM), Prof. Dr. Amran Md. Rasli.

Produk pencuci D'Belda dihasilkan menggunakan teknologi hijau daripada sumber boleh diperbaharui secara organik serta bebas bahan kimia berbahaya berdasarkan mikro organisme dan bahan asas tumbuhan.

Produk itu juga mendapat pengiktirafan daripada SIRIM Berhad (SIRIM) dan Standards Malaysia serta sesuai digunakan dalam pelbagai industri seperti minyak kelapa sawit, minyak dan gas, automotif, perhotelan, restoran dan produk kegunaan harian di rumah.

Tambah Anuar, penjualan produk berteknologi hijau itu diharap dapat menggantikan produk cucian sedia ada yang kebanyakannya mempunyai bahan kimia.